SPANCO
# prihatin
BERITA SPANCO
sentiasa bersama mu




04
KELEBIHAN PENGURUSAN KENDERAAN FLEET MELALUI SEWA PAJAK BERBANDING SECARA PEMBELIAN TERUS

12
SAYANGI KERETA DAN PATUHILAH JADUAL SERVIS CEGAHAN ANDA

14
PERISIAN PERANCANG PERJALANAN, JIMAT DAN MEMUDAHKAN PERJALANAN ANDA

18
'SYURGA' BUAT PEMAIN GOLF DI 6 PADANG GOLF TERBAIK INDONESIA

ISSN 1675-1361
9 771675 136103
PP 10548/08/2012(030458)

# prihatin

*sentiasa bersama mu*

jilid 2 | Mac - April 2015

## MENARIK KELUARAN INI

**PENAUNG**
Dato' Hamzah Mohd Salleh

**SIDANG PENGARANG**
Peter Lim
Shaheeran Jalalludin
Rusman Bassri

**PENERBIT**
SPANCO Sdn Bhd *(172957-U)*
No. 2, Jalan Perusahaan 2
Kawasan Perusahaan Batu Caves
68100 Batu Caves.
**Tel** 03-6192 8888
**Faks** 03-6192 8999
**emel** *prihatin@spanco.com.my*
**web** *www.spanco.com.my*
**Talian bebas tol** 1-800-88-6999

**PENCETAK**
Miracle Offset Print Sdn Bhd
No. 15, Jalan PBS 14/3
Taman Perindustrian
Bukit Serdang
43300 Seri Kembangan.
**Tel** 03-8941 4013
**Faks** 03-8941 4014

**PERUNDING PENERBITAN**
Executive Mode Sdn Bhd *(317453-P)*

**SEKILAS MINDA**
03 Terus Menjulang Produktiviti dan Prestasi Cemerlang

**YANG PERLU ANDA TAHU**
04 Kelebihan Pengurusan Kenderaan Fleet Melalui Sewa Pajak Berbanding Secara Pembelian Terus
07 Statistik Kemalangan, Kecurian dan Kesalahan Trafik

**MENJEJAK INSPIRASI**
08 Pengiktirafan Antarabangsa Pembakar Semangat untuk Terus Memberi Perkhidmatan Berkualiti

**KATA MEREKA**
10 Mutu dan Kecekapan, Keutamaan Puan Savithri Devi Dalam Mentadbir SPK

**SERVIS ITU PENTING!**
12 Sayangi Kereta dan Patuhilah Jadual Servis Cegahan Anda

**PERSADA INOVASI**
14 Perisian Perancang Perjalanan, Jimat dan Memudahkan Perjalanan Anda

**MERAKAM CATATAN**
16 Taklimat Pemandu dan Pengagihan Kereta untuk Persidangan Mesyuarat Menteri-Menteri Kewangan ASEAN Ke-19
16 Majlis Penyerahan 55 Buah Kenderaan Kepada Bahagian Pengurusan Pematuhan (GST), Jabatan Kastam Diraja Malaysia
17 Penyerahan Kereta Proton Perdana 2.0 Premium Kepada Pengguna-Pengguna Rasmi Kementerian Kesihatan Malaysia
17 SPANCO Memulakan Program Keselamatan dan Kesihatan 2015

**LIBUR DESTINASI**
18 'Syurga' Buat Pemain Golf di 6 Padang Golf Terbaik Indonesia

**BICARA SIHAT**
20 Latihan Kecergasan Berfungsi, Senaman Ringan untuk Semua

**PILIHAN SERVIS ANDA**
22 Pahang
23 Pahang dan Kelantan

*Sila hantar komen, pandangan dan sumbangan karya anda kepada Sidang Pengarang seperti di alamat penerbit yang tertera di atas. Bahan penulisan hendaklah disertakan sekali dengan nama, alamat dan nombor telefon anda. Sidang Pengarang berhak melakukan penyuntingan sebelum karya diterbitkan.*

## TERUS MENJULANG

# PRODUKTIVITI DAN PRESTASI CEMERLANG

SUKU pertama 2015 sudah berakhir dan alhamdulillah, tiga bulan pertama telah berjaya dilalui dengan jayanya. Pertambahan jumlah kenderaan fleet dari Kementerian Kesihatan untuk pegawai-pegawai baharu yang dinaikkan pangkat kepada Jusa C serta dari Jabatan Kastam untuk Bahagian GST telah meningkatkan saiz fleet kepada hampir 11,000 unit dalam tempoh itu.

Satu lonjakan prestasi yang sangat memberangsangkan dan terbukti inilah hasil dari kepercayaan serta keyakinan yang diberikan Kerajaan kepada SPANCO. Pastinya ia satu lagi suntikan semangat kepada rakan-rakan kerja untuk terus memberikan kualiti kerja terbaik kepada semua dan berharap peningkatan saiz fleet ini akan melangkaui sasaran pada akhir 2015.

Dalam komitmen untuk terus memberikan khidmat cemerlang, SPANCO masih mengekalkan caj sewaan untuk semua kereta fleet malah akan memperbaharui tahap perjanjian perkhidmatan (SLA) kami walaupun dengan peningkatan kos upah dan alat-alat ganti.

Selain komited terhadap kecekapan dan mutu kerja profesional, SPANCO turut menyokong mobiliti Kerajaan Persekutuan secara aktif dalam banyak cara, antaranya kerjasama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam memperluas dan mempertingkatkan khidmat fleet kereta peronda pasukan keselamatan (MPV). Berdasarkan pengalaman menjalankan projek 100 unit kereta MPV yang lalu, SPANCO merasa amat bertuah dan berbangga dapat turut sama memainkan peranan dalam membantu PDRM menjaga keamanan.

Malah, kami turut teruja dapat bekerjasama dengan Markas Angkatan Tentera Malaysia dalam menguruskan kereta Polis Tentera (MP) yang akan menampilkan gaya baru berinovatif berbanding kereta pengiring yang sedia ada. Semoga kerancakan kompetitif ini akan terus mengangkat produktiviti dan semangat kami untuk meningkatkan lagi kepuasan rakan-rakan niaga dan pelanggan SPANCO.

**AZMAN IDRIS**
*Ketua Pegawai Operasi*

# KELEBIHAN PENGURUSAN KENDERAAN FLEET MELALUI **SEWA PAJAK** BERBANDING SECARA **PEMBELIAN TERUS**

Rencana berikut merupakan sebahagian daripada siri yang menerangkan tentang Perkhidmatan Pengurusan Fleet. Dalam keluaran yang lalu, Majalah PRIHATIN membicarakan mengenai '*outsourcing*'. Kali ini kita akan menyentuh pula mengenai pengurusan fleet secara sewa pajak berbanding pembelian terus.

RATA-RATA tahu bahawa kereta adalah antara aset penting untuk menyempurnakan kelancaran perjalanan sesebuah organisasi/syarikat dan hari ini sistem menyewa fleet secara pajakan semakin popular. Namun ada juga yang memilih untuk membeli dan menguruskan sendiri fleet mereka.

Apakah kelebihan pengurusan fleet melalui sewa pajak ini berbanding secara pembelian terus dari segi jangka panjang, kos pentadbiran, penyenggaraan, kerosakan dan sebagainya?

Kedua-duanya mempunyai kebaikan dan kelemahan tersendiri bergantung kepada keperluan masing-masing. Berikut disenaraikan beberapa faktor yang perlu dipertimbangkan sebelum memutuskan sama ada untuk menyewa pajak atau membeli secara terus.

**KELEBIHAN UTAMA MENYEWA PAJAK**

- Membolehkan penyewa untuk menaik taraf kereta setiap 4 atau 5 tahun.
- Tidak perlu bayaran muka yang tinggi.
- Sesuai untuk yang sering menjalankan kerja-kerja luar dan memerlukan kereta di lokasi-lokasi berbeza.
- Pilihan terbaik untuk organisasi/syarikat yang tidak mahu aliran tunai mereka terikat kepada susut nilai aset.

## 1 MODAL PERMULAAN

Tiada modal permulaan yang besar diperlukan apabila menyewa pajak kereta kerana hanya melibatkan yuran sewaan tetap bulanan yang akan dibahagikan kepada 48 hingga 60 bulan mengikut perjanjian. Bermakna penyewa tidak perlu membayar penuh harga kereta, atau menyediakan wang pendahuluan (jika membeli secara sewa beli).

Sebaliknya wang itu boleh digunakan untuk urusan yang lebih penting seperti membiayai operasi utama syarikat.

| Sewa pajak | lwn | Pembelian terus |
|---|---|---|
| 1 | | 0 |

## 2 ALIRAN TUNAI

Bagi sewa pajak, bayaran sewa bulanan terbahagi kepada caj susut nilai dan caj pembiayaan.

i. **Caj susut nilai** akan dibayar setiap bulan kepada syarikat pemajak selaras nilai kereta yang akan susut sepanjang tempoh sewaan.

ii. **Caj pembiayaan** meliputi faedah yang telah dilaburkan oleh syarikat pemajak untuk membeli kereta tersebut.

Manakala untuk pemilikan secara sewa beli, bayaran sewa bulanan juga terbahagi kepada dua iaitu **caj pokok** dan **caj pembiayaan**. Namun begitu, caj pokok atau prinsipal adalah lebih tinggi berbanding caj susut nilai kerana harga pokok dikira pada nilai penuh kereta sementara harga susut nilai pula setelah ditolak nilai baki.

Justeru, dari segi aliran tunai, menyewa pajak kereta adalah pilihan yang lebih murah berbanding membeli secara sewa beli atau tunai.

| Sewa pajak | Iwn | Pembelian terus |
|---|---|---|
| 2 | | 0 |

### ISTILAH YANG DIGUNA PAKAI DALAM URUSAN SEWA PAJAK

**Pajakan**: satu perjanjian yang memindahkan hak menggunakan aset seperti kilang, peralatan dan kereta untuk tempoh tertentu. Pihak yang mendapat hak menggunakan aset tersebut dipanggil **penyewa** dan pihak yang meminjamkannya dipanggil **pemajak**.

## 3 RISIKO

Penyewaan secara pajak bermaksud syarikat pemajak, melalui kontrak yang ditandatangani, bersetuju menanggung risiko susut nilai kereta yang disewakan selain risiko kos penyenggaraan dan pembaikan. Bermakna semua kos telah dipersetujui serta ditetapkan pada awalnya dan tiada kejutan sepanjang tempoh sewaan.

| Sewa pajak | Iwn | Pembelian terus |
|---|---|---|
| 3 | | 0 |

**Susut nilai**: pengurangan terhadap nilai sesebuah aset seperti kereta yang mengambil kira faktor usia, perbatuan, jenama, model dan keadaan aset itu.

## 4 KETENANGAN FIKIRAN

Di samping menyewakan kereta, pakej sewa pajak turut merangkumi cukai jalan, penyenggaraan dan pembaikan, penggantian tayar serta khidmat tambah lain. Justeru tiada kos tersembunyi dan penyewa dapat mengatur belanjawan serta aliran tunai dengan mudah.

Bantuan khidmat kerosakan juga disediakan bagi membantu pemandu meneruskan perjalanan selain khidmat pengurusan kemalangan memudahkan proses tuntutan insurans dan pembaikan kerosakan kemalangan.

| Sewa pajak | Iwn | Pembelian terus |
|---|---|---|
| 4 | | 0 |

## 5 RUMIT

Urusan sewa pajak kereta boleh dikatakan agak rumit berbanding pembelian secara terus. Penyewa perlu peka dan dimaklumkan dahulu mengenai faktor seperti susut nilai, nilai baki, faedah pembiayaan, yuran perolehan, tempoh pajakan berbanding kos bulanan dan sebagainya.

| Sewa pajak | Pembelian terus |
|---|---|
| 4 | 1 |

## 6 FLEKSIBILITI

Jika ingin memulangkan kereta yang disewa pajak sebelum tamat tempoh, maka penyewa akan terikat secara kontrak untuk membayar yuran penamatan awal. Tetapi jika membelinya secara tunai, pembeli atau pemilik boleh terus menjual aset itu pada bila-bila masa dan mendapatkan semula sebahagian kecil dari modal yang telah dibelanjakan.

| Sewa pajak | Pembelian terus |
|---|---|
| 4 | 2 |

**Nilai baki**: nilai yang dijangka atau diramalkan bagi sesebuah kereta pada akhir tempoh pajakan.

## 7 KUASA MEMBELI

Salah satu kelebihan sewa pajak adalah meningkatkan keupayaan kuasa membeli penyewa. Penyewa fleet boleh mengurangkan kos dan memperoleh spesifikasi kereta yang lebih baik bagi setiap sen yang diperuntukkan. Sekali gus memberikan keselesaan dan prestasi yang semampu mungkin untuk pengguna/pemandu.

| Sewa pajak | Pembelian terus |
|---|---|
| 5 | 2 |

## 8 CUKAI

Secara ringkasnya, pajakan menyediakan kelebihan ketara dari segi penjimatan cukai dan elaun modal sesebuah syarikat. Urusan pencukaian ke atas kereta yang disewa pajak ditanggung dan diuruskan sepenuhnya oleh syarikat pemajak.

| Sewa pajak | Pembelian terus |
|---|---|
| 6 | 2 |

## 9 PENTADBIRAN

Membeli secara terus bermakna pemilik kereta perlu mengendalikan sendiri urusan penyenggaraan dan pembaikan, pembaharuan cukai jalan dan insurans, kemalangan serta segala yang berkaitan. Pemilik juga perlu mencari pembeli dan membuat tawar-menawar harga apabila sampai waktu untuk melupuskannya.

Tetapi apabila menyewa kereta secara pajakan, syarikat pemajak akan menguruskan kesemuanya untuk penyewa dan ini dapat menjimatkan kos pentadbiran yang besar.

| Sewa pajak | Pembelian terus |
|---|---|
| 7 | 2 |

## KEPUTUSAN

Penyewaan secara sewa pajak menyediakan 7 kelebihan sementara pembelian terus hanya 2.

Dari faktor kewangan, risiko hinggakan kepada ketenangan fikiran dan pentadbiran, pajakan kereta secara keseluruhannya adalah pilihan yang lebih baik untuk organisasi yang perlu mengeluarkan modal, mahupun untuk pengguna yang menggunakan kereta itu sendiri.

*Nantikan artikel tentang bagaimana kecekapan dan prestasi sesebuah fleet boleh diukur, pada keluaran akan datang.*

## STATISTIK

# KEMALANGAN, KECURIAN DAN KESALAHAN TRAFIK

## KEMALANGAN




- Jumlah fleet Kerajaan Persekutuan yang dibekal dan diseliakan SPANCO meningkat dari 10,277 unit pada 2013 kepada 10,733 unit pada 2014 dan 10,825 unit setakat Mac 2015.
- Kadar kemalangan meningkat dari 23.45% pada 2013 kepada 27.84% pada 2014.
- Jumlah kos pembaikan kemalangan turut meningkat dari RM8.04 juta bagi keseluruhan 2013 kepada RM8.06 juta bagi keseluruhan 2014.
- Jika kos pembaikian kemalangan terus meningkat, pihak insurans akan mengenakan premium yang lebih tinggi. Ini akan menyebabkan kos sewaan juga meningkat.

## KECURIAN

- Perbandingan tahun ke tahun menunjukkan penurunan jumlah kecurian dari 13 kes bagi 2012 kepada 8 kes bagi 2013 dan 6 kes bagi 2014.
- Sejumlah kes melibatkan model Proton Perdana 2.0 V6 yang lama yang telah ditamatkan pengeluarannya sejak 2009.
- Tiada kes kecurian yang dilaporkan bagi tahun 2015 setakat Mac.
- Kes kecurian juga tidak dilaporkan bagi model-model baharu seperti Proton Perdana, Prevé mahupun Saga.




## KESALAHAN TRAFIK




- Setakat Mac 2015, saman yang diterima dari PDRM adalah 54,302 manakala saman pihak berkuasa tempatan adalah 15,485.
- Jumlah keseluruhan kesalahan trafik yang dicatatkan meningkat tahun ke tahun dari 51,399 saman pada 2013, kepada 66,671 pada 2014 dan 69,787 setakat Mac 2015.

# PENGIKTIRAFAN ANTARABANGSA

## PEMBAKAR SEMANGAT UNTUK TERUS MEMBERI PERKHIDMATAN BERKUALITI

MEMPERTINGKATKAN kualiti adalah usaha yang berterusan dan tiada berpenghujung buat SPANCO. Memantapkan tahap mutu kerja, servis dan khidmat pelanggan adalah matlamat utama bagi memberikan keselesaan terbaik buat semua pengguna fleet. Penganugerahan sijil piawaian ISO 9002 lebih 15 tahun lalu sekali gus menjadi organisasi pertama di Malaysia yang meraih pengiktirafan itu dalam bidang 'Penyelenggaraan dan Servis Fleet Kenderaan'. Pada 2005, SPANCO turut berjaya menjadi ahli Persatuan Pengurusan Fleet Australasia (A*f*MA), diikuti BrandLaureate SMEs Chapter Awards lima tahun kemudian.

*Menteri Pembangunan Usahawan, **Datuk Nazri Abdul Aziz** melihat plak perasmian Majlis Anugerah ISO 9002 yang diadakan pada 30 Mac 2000, sambil diiringi Pengerusi SPANCO, Mejar Jeneral (B) **Dato' Osman Mohd Zain** dan Ketua Pegawai Eksekutif, **Hamzah Mohd Salleh** (kini Dato').*

### ISO bukti keupayaan

SPANCO menerima piawaian ISO 9002:1994 bagi satu sistem pengurusan kualiti terbaik yang diguna pakai di peringkat antarabangsa pada Disember 1999 iaitu setelah lima tahun beroperasi. Sebelum itu ia telah berjaya memperkenalkan sistem teknologi dan pengurusan terkini yang bertujuan meningkatkan keyakinan pengguna terhadap fleet Kerajaan sebaik sahaja mengambil alih pentadbiran kereta-kereta Kerajaan Persekutuan pada Januari 1994. Tahap persijilan itu dipertingkatkan kepada ISO 9001:2000 pada 2002 dan ISO 9001:2008 pada 2008.

### AfMA bantu penyemakan dan penambahbaikan

Kejayaan menjadi ahli Persatuan Pengurusan Fleet Australasia (AfMA) sejak Ogos 2005 membolehkan SPANCO mendapat akses kepada piagam pengurusan fleet antarabangsa bagi menyemak, meneliti dan memperbaiki sistem, prosedur mahupun teknologi yang diaplikasi dari masa ke semasa. Persijilan dan afiliasi antarabangsa memanfaatkan pelanggan melalui langkah-langkah penambahbaikan yang berterusan serta perkhidmatan pengurusan fleet profesional yang lebih bermutu dan sentiasa dipertingkatkan.

### BrandLaureate satu pengiktirafan industri

Anugerah BrandLaureate yang diterima melakar satu pencapaian yang cukup besar lagi bermakna selaku peneraju pengurusan fleet profesional di rantau ini. Penganugerahan dalam kategori *SMEs Chapter Awards 2010 for Corporate Branding – Best Brand in Logistic – Fleet Management Solutions*, itu diumumkan pada 11 Januari 2011.

Anugerah BrandLaureate oleh Yayasan Jenama Asia Pasifik (APBF) itu merupakan satu pengiktirafan yang cukup disegani di dalam industri bagi penjenamaan korporat dan produk di mana piala berserta sijil disampaikan kepada pemenang-pemenang untuk pelbagai kategori dan industri.

### MLVK tingkatkan kemahiran

Pada 20 Julai 2000, Pusat Servis Utama SPANCO telah dilantik sebagai Pusat Latihan Bertauliah oleh Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK) bagi mengendalikan Kursus Pensijilan Kemahiran Mekanik Kenderaan. Pelantikan ini membuktikan kepercayaan dan pengiktirafan yang diberikan terhadap tahap kualiti pengurusan dan hasil kerja yang ditunjukkan. Pengendalian kursus MLVK juga merupakan komitmen untuk meningkatkan mutu perkhidmatan pembaikan kereta konsesi secara menyeluruh yang digembleng bukan sahaja melalui penyediaan peralatan canggih di Pusat Servis Wilayah malah pengemaskinian tahap kemahiran juruteknik dan mekanik dari semasa ke semasa.

## PEMBANGUNAN TAHAP KUALITI YANG BERTERUSAN

| | |
|---|---|
| Disember **1999** | Pusat Servis Wilayah Segambut dianugerahkan ISO 9002:1994 |
| Julai **2000** | Dilantik sebagai Pusat Latihan Bertauliah oleh Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK) bagi mengendalikan Kursus Pensijilan Kemahiran Mekanik Kenderaan |
| November **2001** | Dilantik sebagai Pusat Latihan Bertauliah bagi MLVK Tahap II |
| Disember **2002** | Tahap persijilan ISO dipertingkatkan kepada ISO 9001:2000 |
| Ogos **2005** | Menjadi ahli Persatuan Pengurusan Fleet Australasia (AfMA) |
| November **2008** | Tahap persijilan ISO dipertingkatkan kepada ISO 9001:2008 |
| Januari **2011** | Menerima penganugerahan BrandLaureate dalam kategori Penjenamaan Korporat Terbaik untuk Logistik bagi Penyelesaian Pengurusan Fleet |

# MUTU DAN KECEKAPAN, KEUTAMAAN PUAN SAVITHRI DEVI DALAM MENTADBIR SPK

*Puan Savithri Devi, Ketua Seksyen, Seksyen Pengurusan Kenderaan (SPK), Perbendaharaan Malaysia*

BELIAU bukan calang-calang orang dalam Kerajaan, berkhidmat selama 35 tahun di empat Kementerian cukup membuktikan kewibawaan hasil kerja cemerlang beliau mengendalikan tugas-tugas penting dalam pentadbiran Kerajaan Persekutuan. Jelas sekali pengalaman perkhidmatan di empat Kementerian iaitu Jabatan Pendaftaran Negara, Kementerian Dalam Negeri, Agensi Anti-Dadah Kebangsaan, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Kementerian Kewangan menyerlahkan jasa dan peranan yang begitu besar dalam memastikan pentadbiran berjalan dengan lancar.

Puan Savithri Devi a/p N. P. Subramaniam, Ketua Seksyen, Seksyen Pengurusan Kenderaan (SPK), Perbendaharaan Malaysia mula berkhidmat di Kementerian Kewangan di Bahagian Pengurusan Strategik selama 5 tahun sebelum memegang jawatan Ketua Seksyen Pengurusan Kenderaan, Bahagian Pengurusan Aset Awam mulai April 2014.

PENSWASTAAN KERETA-KERETA SALOON KERAJAAN IAITU KERETA RASMI JAWATAN DAN KERETA JABATAN TELAH MEMBANTU MENINGKATKAN KEUPAYAAN PENYEDIAAN KENDERAAN KERAJAAN UNTUK MENJALANKAN TANGGUNGJAWAB DENGAN LEBIH BERKESAN.

*- Puan Savithri Devi*

"Tugas saya kini meliputi dasar dan operasi. Pengurusan fleet Kereta Rasmi Jawatan (KRJ) dan kereta Jabatan yang dibekalkan oleh SPANCO adalah skop tugas saya. Tugas utama saya adalah mengkaji dan menyemak semula perjanjian konsesi dan operasi syarikat konsesi dalam memberi perkhidmatan yang ditetapkan.

"Sebagai Ketua Seksyen Pengurusan Kenderaan, saya juga memantau dan membuat naziran (audit) yang meliputi teknikal dan operasi ke atas Pusat Servis SPANCO untuk memastikan tahap perkhidmatan yang diberi serta bekalan alat-alat ganti memenuhi

piawaian yang ditetapkan dalam Perjanjian Konsesi," jelas anak kelahiran Klang, Selangor ini.

Menurutnya lagi, salah satu fungsi utama Seksyen Pengurusan Kenderaan adalah menguruskan pembelian Kereta Rasmi Jawatan semasa persaraan pegawai-pegawai yang layak. Jadi, sudah semestinya Seksyen Pengurusan Kenderaan sentiasa berusaha untuk menambah baik proses atau prosedur pengagihan dan pembekalan kereta supaya sentiasa relevan dan praktikal.

"Permohonan kereta telah mula dibuat secara 'online' (sistem e-kereta) dan akan diperluaskan ke semua Kementerian serta Jabatan dan agensi Kerajaan pada akhir tahun 2015. Saya berharap usaha ini akan membuahkan hasil yang bermanfaat kepada pengguna dan pelanggan," ujarnya.

Jelas sekali bagi Puan Savithri, penswastaan kereta-kereta saloon Kerajaan iaitu Kereta Rasmi Jawatan dan kereta Jabatan telah membantu meningkatkan keupayaan penyediaan kenderaan Kerajaan untuk menjalankan tanggungjawab dengan lebih berkesan. Dengan penswastaan kereta saloon, Kerajaan juga dibekalkan dengan kereta baru setiap 4 hingga 5 tahun.

"Dengan sistem penggantian kenderaan setiap 4 hingga 5 tahun, dapat mengurangkan masalah penyenggaraan dan menjimatkan kos senggaraan kepada Kerajaan. Prestasi SPANCO secara keseluruhan adalah memuaskan dan banyak faedah kualitatif didapati daripada penswastaan ini.

> DENGAN SISTEM PENGGANTIAN KENDERAAN SETIAP 4 HINGGA 5 TAHUN, DAPAT MENGURANGKAN MASALAH PENYENGGARAAN DAN MENJIMATKAN KOS SENGGARAAN KEPADA KERAJAAN. PRESTASI SPANCO SECARA KESELURUHAN ADALAH MEMUASKAN DAN BANYAK FAEDAH KUALITATIF DIDAPATI DARIPADA PENSWASTAAN INI.

"Pihak SPANCO juga sentiasa bersedia untuk berbincang dan menyelesaikan isu-isu yang berbangkit 'on the ground' dan beberapa isu spesifik yang berbangkit dari masa ke masa mengenai Perjanjian Konsesi seperti kadar sewaan dan penyenggaran selepas 1 April 2015 (selepas implementasi GST)," terang beliau.

Bercakap mengenai penglibatan Seksyen Pengurusan Kenderaan dalam pengurusan kenderaan bagi Mesyuarat-mesyuarat Antarabangsa, Persidangan anjuran Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan seperti CAPAM, AFMM dan terkini, Mesyuarat Menteri-Menteri Kewangan ASEAN Ke-19, beliau sememangnya berpuas hati dengan pengurusan SPANCO dalam membekalkan kereta-kereta yang diperlukan dan perkhidmatan penghantaran kereta. Begitu juga dengan penggantian kereta yang disediakan dengan pantas dan efisien kepada para delegasi.

*Sebahagian daripada kereta-kereta Proton Perdana 2.4 Executive yang disumbangkan oleh SPANCO untuk Persidangan Mesyuarat Menteri-Menteri Kewangan ASEAN ke-19 yang berlangsung dari 19 hingga 21 Mac 2015.*

# SAYANGI KERETA DAN PATUHILAH JADUAL SERVIS CEGAHAN ANDA

PENYENGGARAAN cegahan amat penting bagi memastikan kereta sentiasa berada dalam keadaan yang baik. Di SPANCO, ini amat dititikberatkan terutama di kalangan pengguna mahupun pemandu fleet. Disiplin yang tinggi untuk menghantar kereta ke pusat servis diperlukan bagi menghindar sebarang kerosakan yang pastinya akan mengganggu kelancaran tugas mereka.

Untuk itu, program servis cegahan adalah komprehensif meliputi pemeriksaan kenderaan, pelinciran, penyelarasan, pembersihan, uji pandu, pembaikan dan penukaran alat ganti. Kerja-kerja yang dilakukan termasuklah menggantikan peralatan yang diramal akan rosak jika terus digunakan seterusnya mengelakkan masalah yang boleh mengurangkan keupayaan kenderaan.

## MENGAPA PENYENGGARAAN CEGAHAN PENTING?

Membantu memelihara dan meningkatkan keupayaan kenderaan di jalan raya.

Jika diabaikan, kenderaan akan terdedah kepada kerosakan yang lebih teruk yang memerlukan pembaikan rombak rawat yang lebih lama.

Amat penting untuk keselamatan kereta dan jika tidak dilakukan, akan membahayakan pengguna.

Memanjangkan tempoh hayat kereta.

## PROAKTIF ATAU REAKTIF?

Tahap keupayaan dan penggunaan sesebuah kereta dapat dipertingkatkan dengan memaksimumkan penyenggaraan proaktif dan meminimumkan penyenggaraan reaktif.

- **Penyenggaraan proaktif** - servis cegahan yang dilaksanakan secara berkala iaitu dengan 'mencegah sebelum rosak'.
- **Penyenggaraan reaktif** - pembaikan kerosakan yang tidak dirancang yang kebanyakan berpunca daripada pengabaian servis cegahan.

Pembaikan yang dilaksanakan secara 'spontan' iaitu hanya apabila kereta mengalami kerosakan mesti dielakkan kerana ia akan mengurangkan tahap ketersediaan kereta tersebut.



## PROGRAM PENYENGGARAAN CEGAHAN YANG BERKESAN

Kaedah servis cegahan yang efektif seperti yang diamalkan SPANCO memiliki ciri-ciri berikut:

- Membuat jadual dan menyimpan rekod servis.
- Menyediakan kemudahan pusat servis dengan kakitangan dan juruteknik yang berwibawa.
- Menyenaraikan servis dan tugas yang perlu dilakukan.
- Melaksanakan servis secara berjarak mengikut tempoh yang disyorkan pengilang.
- Mencatatkan aduan pemandu mengenai keadaan kereta, seterusnya membetulkannya.

## KEADAAN YANG HARUS DIPANTAU PEMANDU

Program penyenggaraan cegahan yang berkesan banyak bergantung kepada pemandu. Pemandu sendirilah yang harus memeriksa keadaan kereta yang digunakan sama ada sebelum, semasa dan selepas perjalanan bagi memastikan pemanduan yang lebih selamat.

Justeru setiap pemandu dan pengguna mestilah sentiasa memberi perhatian serta peka kepada keadaan yang berikut:

- Bahagian yang menentukan keselamatan sesebuah kereta seperti tayar, pengelap cermin, hon, brek dan stereng.
- Bunyi ganjil dari bahagian enjin dan bawah kereta.
- Bahagian luaran seperti cermin, badan kenderaan dan kebersihan.
- Peralatan lain yang rosak atau lusuh seperti pendingin hawa, radio dan tingkap.

Selain itu, penyenggaraan cegahan juga tidak sekali-kali boleh dilakukan dengan jalan pintas. Maka juruteknik turut memainkan peranan penting dengan memeriksa setiap kereta secara terperinci bagi mengelak atau mengurangkan kerosakan yang tidak diduga. Justeru penyenggaraan mestilah dilakukan secara berjadual dan komprehensif seperti yang dilakukan oleh Pusat Servis SPANCO.

# PERISIAN PERANCANG PERJALANAN, JIMAT & MEMUDAHKAN PERJALANAN ANDA

TEKNOLOGI kini memainkan peranan penting dalam mengejar kepesatan pembangunan arus globalisasi. Perisian Perancang Perjalanan *(Route Planning Software)* satu lagi aplikasi yang dicipta untuk memudahkan perjalanan anda. Program perisian yang direka untuk membantu anda merancang laluan antara dua lokasi geografi menggunakan enjin penjejak dan pemetaan khusus untuk jalan raya.

Serba lengkap, perancang perjalanan memberikan pelbagai maklumat seperti pilihan dan jarak perjalanan, senarai bandar atau tempat yang dilalui serta arahan yang perlu diikuti. Selain membekalkan peta interaktif, ia turut menganggarkan masa yang diambil untuk setiap laluan yang dipilih. Memudahkan urusan perjalanan, aplikasi ini turut mencadangkan laluan alternatif dan membolehkan pengguna berkongsi maklumat tentang situasi lalu lintas yang dilalui.

Terdapat banyak aplikasi perancang perjalanan dan penjejak lokasi diperkenalkan tetapi di Malaysia, paling popular adalah **Waze** dan **Google Maps**. Namun begitu, ada kelebihan dan kekurangan sistem aplikasi tersebut antaranya:

## WAZE

### KELEBIHAN

- Mempelajari corak pemanduan pengguna.
- Memberikan informasi masa sebenar seperti trafik, polis, kemalangan dan keadaan jalan raya.
- Membantu pemandu mengelak lalu lintas yang sesak.
- Membolehkan perkongsian maklumat dan interaksi berasaskan komuniti pengguna.

### KELEMAHAN

- Kadangkala memberikan maklumat dan lokasi yang tidak tepat atau mengelirukan.
- Sambungan boleh terputus secara tiba-tiba.
- Menggunakan kuasa bateri yang tinggi kerana banyak maklumat yang dikongsi.

## GOOGLE MAPS

### KELEBIHAN

- Menyediakan maklumat jalan yang ringkas dan tepat.
- Mencadangkan nama-nama tempat berpandukan input pencarian.
- Sambungan yang lebih stabil.
- Menggunakan memori dan kuasa bateri yang rendah.
- Memberi anggaran masa perjalanan.
- Membolehkan anda melihat lokasi sebenar melalui Google Street View.

### KELEMAHAN

- Tidak memberi maklumat lengkap situasi perjalanan.
- Sukar mencari lokasi yang terlalu tersorok.

# APLIKASI PENJEJAK LOKASI LAIN YANG MEMANFAATKAN SISTEM SATELIT

## ROADTRIPPERS

*Roadtrippers.com* adalah perancang perjalanan yang lengkap dan sangat popular di Amerika Syarikat. Ia bukan sekadar menjejak lokasi perjalanan malah boleh memberi maklumat mengenai tempat penginapan dan aktiviti yang boleh dilakukan. Aplikasi yang moden dan mudah digunakan, amat penting untuk melancarkan percutian anda.

## BING MAPS

Keluaran syarikat perisian terbesar dunia, Microsoft, Bing Maps berupa enjin penjejak di laman sesawang yang membolehkan anda menjejak perjalanan dengan mudah. Malah anda boleh mencari pelbagai informasi menggunakan aplikasi ini. Ia dikatakan lebih baik dari Google berikutan imej satelitnya yang kemas dan dapat dilihat dengan jelas di semua tempat, menjadikan pencarian anda lebih tepat dan cepat.

## YAHOO DRIVING DIRECTIONS

'Yahoo Map' memudahkan anda menjejak pemanduan antara dua lokasi dengan cepat dan tanpa banyak karenah. Memberikan informasi mengenai trafik, keadaan jalan raya, peta dan lain-lain. Anda boleh mencapainya di mana-mana dan begitu mudah digunakan.

## MAPQUEST ROAD TRIP PLANNER

Sama seperti Roadtrippers, ia perancang yang lengkap menyediakan aplikasi pencarian untuk jalan raya, tempat tinggal dan perancang aktiviti. Mapquest mempunyai kelebihan membenarkan anda menempah tempat tinggal, mencari kereta sewa dan penerbangan melalui perancang perjalanannya yang mudah lagi cepat.

## APPLE MAPS

Aplikasi pemetaan ini diintegrasikan ke dalam iPhone dan iPad yang dibangunkan oleh Apple. Namun ia dilihat mempunyai beberapa kelemahan berbanding aplikasi lain di pasaran. Walau bagaimanapun syarikat ternama itu dijangkakan bakal menyerlah dengan perisian pemetaan yang lebih canggih dan dapat menandingi pesaing-pesaingnya.

Kesimpulannya, tidak kira apa juga aplikasi perancang perjalanan dan penjejak lokasi pilihan anda, pastikan ianya mudah, cepat dan selamat digunakan.

## TAKLIMAT PEMANDU DAN PENGAGIHAN KERETA UNTUK PERSIDANGAN MESYUARAT MENTERI-MENTERI KEWANGAN ASEAN KE-19 *DARI 19-21 MAC 2015*

## MAJLIS PENYERAHAN 55 BUAH KENDERAAN KEPADA BAHAGIAN PENGURUSAN PEMATUHAN (GST), JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA *DARI 6-7 APRIL 2015*

## PENYERAHAN KERETA PROTON PERDANA 2.0 PREMIUM KEPADA PENGGUNA-PENGGUNA RASMI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

*PSW BATU CAVES PADA 23 MAC 2015*

*PROTON EDAR IPOH PADA 25 MAC 2015*

*PERLIS, KEDAH DAN PULAU PINANG DARI 26-27 MAC 2015*

*MELAKA DAN JOHOR DARI 9-11 APRIL 2015*

## SPANCO MEMULAKAN PROGRAM KESELAMATAN DAN KESIHATAN 2015

*MELALUI JABATAN PERTAHANAN AWAM MALAYSIA, DAERAH SENTUL PADA 13 MAC 2015*

# 'SYURGA'
## BUAT PEMAIN GOLF DI 6 PADANG GOLF TERBAIK INDONESIA

INDONESIA, satu destinasi percutian yang sangat indah dengan ribuan buah pulau menarik, pantai yang indah, keunikan gunung berapi, kuil-kuil purba dan tradisi budaya yang pelbagai. Namun di sebalik itu, negara ini juga merupakan antara 'syurga' buat 'kaki-kaki golf'. Apatah lagi 'Top 100 Golf Courses' juga pernah menyenaraikan Indonesia antara yang mempunyai padang golf terbaik. Berikut adalah enam padang golf terbaik di Indonesia yang pastinya menjanjikan pengalaman berbeza buat pencinta sukan golf.

1

2

### 1 Merapi Golf Club

Menjanjikan keindahan pemandangan 'kelas pertama', Merapi Golf Club yang terletak pada kedudukan 800 meter dari paras laut di kaki Gunung Merapi di Lembah Kaliurang ini sememangnya memberi pengalaman berbeza. Lapangan 18 lubang pada 72 par ini direka oleh pakar golf Thomson, Wolveridge & Perrett memberi cabaran hebat kepada pemain dengan laluan berbukit dan tanah lahar dari gunung berapi. Namun, pemandangan indah pergunungan dan kehijauan hutan pastinya memberi ketenangan abadi kepada pencinta sukan ini sekali gus menyahut setiap cabaran di padang.

### 2 Nirwana Bali Golf Club

Salah satu padang golf tercantik di Asia, Nirwana Bali Golf Club terletak di Pan Pacific Nirwana Bali Resort dan disenaraikan di tangga ke-52 dalam senarai 100 Padang Golf Terbaik Majalah Amerika Syarikat 'Golf Digest'. Lapangan 18 lubang pada 72 par dengan jarak 6,805 ela ini direka oleh legenda golf Greg Norman, yang menawarkan lima lubang menyusuri pantai, lapan lubang menyusuri sawah padi dan tiga pukulan permulaan (tee) dari bukit ke bukit. Ia sememangnya indah dengan landskap ala Bali, berlatarbelakangkan laut dan kehijauan alam semula jadi serta sawah bendang, pastinya memberi ketenangan kepada pemain.

### 3 Rancamaya Golf Club

Berlatar belakang suasana pergunungan hijau, Rancamaya Golf Club terletak di Jakarta Barat dan terkenal sebagai padang golf peribadi antarabangsa 18 lubang yang direka oleh Ted Robinson. Arkitek padang golf yang terkemuka ini telah mereka bentuk sebuah padang kejohanan yang menyeronokkan dengan menumpukan kepada tiga unsur iaitu fleksibiliti, pengalaman yang sukar dilupakan dan keindahan alam semula jadi. Semuanya dapat dirasai dan dinikmati dari keunikan rekaan tasik dan laluan air hingga ke desiran air terjun yang mendamaikan.

5


6

## 4 New Kuta Golf Club, Pecatu

Padang golf ciptaan Ronald Fream dengan reka bentuk bercantum 72 par ini terletak di Bukit Peninsula, merupakan padang golf terbaru di Bali menyajikan pemandangan laut. Pada jarak 7,471 ela dengan sembilan lubang pertama terletak jauh dari pantai di tanah rendah hutan tropika semula jadi. Sementara sembilan lubang kedua pula di persisiran pantai menghadap lautan luas terbentang memberi pengalaman menakjubkan kepada pemain, dari cabaran tiupan bayu laut kepada desiran pantai yang mempesonakan. Sememangnya New Kuta Golf Club akan sentiasa memberikan kejutan kepada anda setiap kali berkunjung ke sini.

## 5 Ria Bintan Golf Club

Hasil rekaan legenda golf dunia, Gary Player, Ria Bintan Golf Club adalah padang kejohanan 27 lubang antara yang terbaik di Indonesia dan Asia. 'Ocean course' dengan 18 lubang memaparkan 'fairway' yang licin dan pemandangan Laut Cina Selatan yang memukau manakala 'Forest course' dengan sembilan lubang pula dikelilingi rimbunan pokok dan tasik yang bening. Sememangnya dua pilihan padang inilah yang menjadikan Ria Bintan Golf Club sesuatu yang unik dan sebagai pilihan bagi banyak kejohanan antaranya 'Golf Asia Challenge', 'Revo Coca-Cola Golf Carnival' dan 'Ria Bintan Open'.

## 6 Royale Jakarta Golf Club

Royale Jakarta Golf Club mengambil masa hanya 15 minit dari Pusat Bandar Jakarta dikelilingi panorama memukau Gunung Salak dan Gunung Gede. Terkenal dengan rumput 'Sea Isle Supreme Paspalum' yang menghasilkan permainan terbaik di padang sama ada untuk 'tee', 'fairway' mahupun 'green'. Diilhamkan oleh Bob Moore, padang golf eksklusif bertaraf dunia ini kini semakin popular di kalangan pemain golf rantau ini sebagai tuan rumah untuk kejohanan CIMB Niaga Indonesia Masters.

# LATIHAN KECERGASAN BERFUNGSI, SENAMAN RINGAN UNTUK SEMUA

'FUNCTIONAL Fitness Training' atau latihan kecergasan berfungsi, sejenis senaman yang melatih otot untuk bekerjasama merangsang pergerakan lazim yang boleh dilakukan di rumah, gimnasium mahupun pejabat. Ia bertujuan melatih keseimbangan agar anda lebih mudah melakukan aktiviti-aktiviti harian. Malah, ia juga dikatakan mampu membantu menangani masalah tekanan.

Senaman ini dilakukan tanpa sebarang peralatan atau boleh juga menggunakan pemberat seperti *'dumbell'* atau alat senaman lain seperti bola elastik. Ia membabitkan pergerakan dari bawah ke atas, kanan ke kiri, depan ke belakang dan sebaliknya seperti mengangkat, mendorong, menarik dan berlari.

Sebagai contoh, gerakan mencangkung akan melatih penggunaan otot apabila bangun dan duduk di atas kerusi atau mengambil objek yang rendah. Dengan melatih otot bekerja mengikut cara yang sepatutnya akan mempersiapkan tubuh untuk melaksanakan pelbagai tugas fizikal dengan lebih berkesan.

Walaupun senaman ini nampak ringan namun beberapa faktor harus diteliti sebelum melakukannya. Jika anda berusia lebih dari 40 tahun dan sudah lama tidak melakukan senaman atau mempunyai masalah kesihatan serta wanita mengandung, anda disarankan untuk mendapatkan nasihat doktor sebelum memulakan sebarang aktiviti latihan.

## BEBERAPA CONTOH LATIHAN KECERGASAN BERFUNGSI

### TUJAHAN PELBAGAI ARAH *(MULTIDIRECTIONAL LUNGES)*

Latihan ini menggunakan pergerakan pelbagai arah sama ada ke hadapan, sisi atau arah berlawanan. Ketiga-tiganya menggunakan gerakan kaki, lutut dan pinggul. Satu kaki berada pada posisi kekal dan sebelah lagi ditujahkan ke hadapan, sisi atau belakang sehingga lutut mencecah sudut 90 darjah dan lutut belakang selari dengan lantai. Senaman ini menyediakan tubuh untuk kegiatan harian seperti mengemas rumah atau berkebun.

## GULUNGAN BISEP SAMBIL BERDIRI
*(STANDING BICEP CURLS)*

Latihan ini dapat membantu membina dan menguatkan bisep iaitu otot yang terdapat di bahagian depan lengan atas yang berfungsi untuk membengkokkan lengan. Sambil berdiri, tangan lurus ke bawah dan bahu ke belakang, tarik nafas perlahan-lahan dan angkat pemberat sehingga mencecah bahu. Pergerakan ini dinamakan gulungan ***(curls)***. Tahan posisi tersebut selama satu atau dua saat dan kemudian secara perlahan-lahan hembus nafas dan turunkan pemberat kembali.

## MENAIKI ANAK TANGGA DENGAN PEMBERAT
*(STEP-UPS WITH WEIGHTS)*

Posisi mendaki atau menaiki anak tangga secara berulang kali. Untuk menambah beban, genggam ***'dumbell'*** atau gunakan pemberat pergelangan kaki ketika menaiki tangga. Beban yang lebih berat menjadikan jantung berdegup dengan lebih kencang dan akan meningkatkan kekuatan anda. Ia turut memaksa bahagian otot paha belakang bekerja lebih keras bagi membina kekuatan. Manakala beban yang ringan pula akan membolehkan anda berlari lebih cepat dan memperbaiki daya tahan.

## SENAMAN TAICHI, YOGA DAN PILATES

Senaman-senaman ini dapat menambahkan kelenturan tubuh, membina kekuatan otot-otot teras serta memperbaiki keseimbangan tubuh dan teknik pernafasan. Ia juga dapat membantu mengelakkan masalah kesakitan yang biasanya menyerang bahagian bahu, leher, pinggang dan belakang. Merupakan senaman impak rendah kepada sendi dan otot yang juga dapat menghilangkan tekanan. Bukan sekadar latihan fizikal tetapi juga baik untuk meningkatkan kekuatan mental.

Paling penting, pilihlah program latihan kecergasan berfungsi yang sesuai mengikut tahap kecergasan dan kemampuan anda. Mulakan dengan yang agak ringan dan setelah anda menjadi lebih ***'fit'***, alihkan pula ke senaman yang lebih mencabar. Kemudian anda dapat merasai peningkatan kemampuan melakukan aktiviti harian dengan lebih mudah lagi. Selain lebih sihat kualiti hidup anda menjadi lebih baik. Selamat mencuba!

**Simbol**

## PAHANG - ROHAMAS AUTOSERVICES SDN BHD

### WAKIL SERVIS SAH PROTON EDAR
**ROHAMAS AUTOSERVICES SDN BHD**

LOT 38 KG. TOK EMBUN
MUKIM MENTAKAB
28400 MENTAKAB
TEL: 09-277 6313
FAKS: 09-277 8312

JURUTEKNIK: 5 ORANG
HOIST: 6 UNIT

## PAHANG - MUTIARA DESAMAS SDN BHD

### WAKIL SERVIS SAH PROTON EDAR
**MUTIARA DESAMAS SDN BHD**

LOT 318, KAMPUNG KETARI
JALAN KARAK
28700 BENTONG
TEL: 09-222 2403
FAKS: 09-222 3328

JURUTEKNIK: 5 ORANG
HOIST: 4 UNIT

*Sila layari www.spanco.com.my untuk senarai lengkap Pusat Servis Diiktiraf (PSD) di seluruh Malaysia.*

## PAHANG - SERVIS MESRA MENTAKAB

### CAWANGAN PROTON EDAR

**SERVIS MESRA MENTAKAB**

LOT 678, BATU 1
JALAN KARAK
28400 MENTAKAB
TEL: 09 - 270 1126
FAKS: 09 - 270 1126

JURUTEKNIK: 3 ORANG
HOIST: 2 UNIT

## KELANTAN - PUSAT SERVIS BERSEPADU (M) SDN BHD

### WAKIL SERVIS SAH PROTON EDAR

**PUSAT SERVIS BERSEPADU (M) SDN BHD**

NO 4, LOT 886
JALAN MASJID LAMA
17000 PASIR MAS
TEL: 019 - 966 6233
FAKS: 09 - 790 0675

JURUTEKNIK: 8 ORANG
HOIST: 10 UNIT

# Mencelah-celah di jalan raya tidak menjimatkan masa. Ia membazirkan nyawa.

**Jangan Mencelah-celah. Ikut Lorong Anda.**
**Anda Mampu Mengubahnya.**

Sanggupkah anda menggadai nyawa hanya untuk menjimatkan beberapa minit? Kerana itulah yang akan terjadi bila anda mencelah-celah di jalan raya. Anda mungkin tidak akan sampai ke destinasi lebih awal atau dengan selamat. Malah anda mungkin tidak akan sampai langsung. Kenapa ambil risiko sebegini? Mencelah-celah di jalan raya adalah tabiat yang boleh diubah. Pilihlah untuk menunggang dengan selamat.
Layari **www.jkjr.gov.my** untuk mengetahui lebih lanjut.

JKJR
JABATAN KESELAMATAN JALAN RAYA MALAYSIA

MINISTRY OF TRANSPORT
MOT